

07/05/1997

Tampin sokong Gan

TAMPIN, Selasa - Parti komponen Barisan Nasional (BN) di kawasan Parlimen Tampin berikrar menyokong calon BN, Gan Ching Yap 53, yang dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Repah.

Ikrar itu disampaikan oleh tiga ketua bahagian parti komponen terbabit kepada Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga pengerusi BN negeri.

Ketua bahagian Gerakan, Chia Phen Fong ketika ditemui berkata jentera parti akan bekerja keras bagi memastikan pengundi Cina di kawasan DUN Repah mengundi calon BN.

"Kalau dalam pilihan raya lalu ramai pengundi Cina mengundi parti pembangkang, tetapi kali ini Gerakan akan bekerjasama dengan anggota BN yang lain mengajak pengundi mengundi calon BN," katanya.

Ketua bahagian MIC, A Batumalai pula berkata MIC juga akan memastikan kemenangan lebih besar kepada calon BN.

Katanya, masyarakat India sewajarnya memberi sokongan padu kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)